

Oleh Mary Victoria Dass dan
Izaily Nurul Ain Hussein
am@hmetro.com.my
Johor Bahru

Pembunuhan seorang bayi baru lahir yang mayatnya dikerat sekurang-kurangnya 15 sebelum ditemui di loji kumbahan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kempas di Permai di sini, kelmarin mungkin dilakukan oleh individu bermasalah mental.

Kaunselor Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Johor Bahru Norizwanti Ahmad berkata, tindakan pelaku berkenaan di luar kewarasan manusia normal dan ada kemungkinan ia dilakukan dalam keadaan tidak sedar.

“Individu normal tidak akan melakukan perbuatan hingga ke tahap yang tiada perasaan belas kasihan dalam dirinya hingga sanggup membunuh dan memotong bayi yang tidak berdosa,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Ma-

Perbuatan gila!



LOKASI penemuan mayat bayi dipotong 15 tanpa kepala di loji kumbahan di PPR Kempas Permai, Johor Bahru.

■ **Pembunuhan bayi dikerat 15 dilakukan individu sakit mental, tiada hati perut**

“Apalah dosa bayi berkenaan hingga dia dibunuh dan anggota badannya dipotong seperti itu. Manusia yang waras tidak dapat menerima perbuatan seperti itu”

Maznah Rahman

syarakat negeri Asiah Md Ariff berkata, individu yang melakukan perbuatan itu perlu ditahan dan dihadapkan ke muka pengadilan.

Beliau berkata, pihaknya mengikuti perkembangan siasatan kes berkenaan yang dilakukan polis untuk tindakan susulan dan mengharapkan orang ramai bekerjasama dengan menyebarkan maklumat.

Sementara itu, penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kempas Permai di sini, turut terkejut dengan penemuan 15 cebisan mayat bayi yang terperangkap di loji kumbahan kawasan peru-

man itu.

Pekerja kilang, Ismail Daud, 47, yang tinggal di Blok C PPR itu berkata, jenayah itu dilakukan oleh manusia yang tiada hati-perut kerana ia terlalu kejam.

“Mungkin ini adalah kejadian mengerikan selepas kes Mona Fendy yang menggemparkan negara apabila mangsa dikerat 18 bahagian,” katanya tidak menyangka kejadian seumpamanya berlaku di flat terbabit.

Penduduk Maznah Rahmat, 42, berkata kawasan loji berkenaan berpagar dan agak sukar bagi mana-mana individu mencerooboh masuk.

“Perbuatan itu amat tidak bertanggungjawab dan kejam, bukan saja penghuni di PPR ini mendapat nama yang tidak baik, malah seluruh masyarakat di sini juga menerima tempiasnya kerana ada manusia yang berhati iblis dalam kalangan kami.

“Apalah dosa bayi berkenaan hingga dia dibunuh dan anggota badannya dipotong seperti itu. Manusia yang waras tidak dapat menerima perbuatan seperti itu,” katanya.